

# Majikan keliru dasar pembaharuan permit

PETALING JAYA - Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) semalam meminta kerajaan memberi penjelasan berhubung dasar berkaitan pembaharuan permit bagi pekerja asing sedia ada.

Pengarah Eksekutifnya, Shamsuddin Bar dan berkata, kebelakangan ini, MEF menerima banyak aduan daripada anggotanya tentang kesulitan bagi memperbaharui permit pekerja asing masing-masing.

"Sebelum ini, pembaharuan permit ini dibekukan, tapi kini urusannya terlalu lambat pula kerana Jabatan Imigresen mengambil masa lebih lama bagi memproses setiap permohonan," katanya.

Menurut beliau, kelewatan itu menim-

bulkan keresahan dalam kalangan syarikat kerana mereka tidak pasti sama ada ada permit pekerja berkenaan akan diperbaharui.

"Kami cenderung untuk membuat tafsiran bahawa kelewatan ini disengajakan sebagai cubaan untuk memaksa pekerja berkenaan pulang ke negara asal masing-masing.

"Tak kira apa pun, adalah lebih baik kerajaan bersikap telus dan mendedahkan dasarnya yang sebenar agar jalan alternatif boleh dicari untuk tidak mengganggu operasi syarikat," jelasnya.

Shamsuddin berkata, seperkara lagi yang menimbulkan kebimbangan majikan ialah sejak kebelakangan ini, jumlah kegagalan

pekerja asing mereka yang mengambil ujian kemahiran kendalian Kementerian Sumber Manusia, "meningkat secara luar biasa".

Tambahnya, ujian itu diwajibkan terhadap pekerja asing yang ingin melanjutkan kontrak bagi tahun ketiga dan seterusnya.

"Kami tidak tahu sama ada ini merupakan satu lagi cubaan secara tidak langsung bagi mengurangkan jumlah tenaga buruh asing," katanya.

Shamsuddin menambah, walaupun MEF menyokong penuh dasar kerajaan untuk mengurangkan jumlah tenaga kerja asing, namun, ia tetap ingin mengetahui dengan jelas peraturannya agar tidak ada pihak yang memanipulasinya.